

Polis mampu kawal Sabah

14 MAR 1986

Oleh SAODAH ELIAS

"Mereka boleh minta saya supaya campur tangan dalam krisis politik negeri itu, tetapi saya tidak akan penuhi permintaan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran restropektif seorang pelukis terkenal tanahair, Ibrahim Hussein, di Balai Seni Lukis Negara hari ini.

Sewaktu diminta mengulas dakwaan Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang di Parlimen semalam bahawa letupan bom dan tunjuk perasaan itu adalah pakatan Kuala Lumpur untuk menjatuhkan kerajaan negeri PBS, Perdana Menteri kelihatan terperanjat sambil berkata, "Ya Tuhan".

"Mintalah mereka supaya membuktikan bahawa kejadian itu adalah satu pakatan. Apalah yang saya tahu mengenai perkara ini? Tanyalah kepada Lim Kit Siang, dia lebih tahu."

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan Persekutuan tidak akan campur tangan untuk mententeramkan keadaan berikutan letupan bom dan tunjuk perasaan di Kota Kinabalu semalam kerana polis di negeri itu masih mampu mengawal keadaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa anggota polis di Sabah mencukupi untuk menjaga keselamatan dan kepentingan orang ramai di negeri itu dan anggota tambahan tidak perlu dihantar.

"Anggota polis tambahan hanya akan dihantar ke negeri itu jika keadaan benar-benar memaksa. Bagaimanapun, terpulanglah kepada polis di sana untuk memohon tambahan anggota," katanya ketika diminta mengulas mengenai kejadian letupan bom di Sabah.

Semalam, sekurang-kurangnya 13 letupan bom dilaporkan berlaku di Sabah, menyebabkan empat orang cedera, sementara penyokong Usno diberitakan menunjuk perasaan membantah kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) di ibu negeri itu dan Sandakan.

Ditanya sama ada beliau akan campur tangan bagi menyelesaikan krisis di Sabah itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak akan berbuat demikian walaupun diminta oleh Usno dan Berjaya.